

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Kolej PERMATApintar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

1. Kekosongan Jawatan

JAWATAN	BIDANG	KELAYAKAN KHUSUS
PENGETUA GRED DG52	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan dan Pentadbiran 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Bidang Sains / Teknologi / Kejuruteraan / Matematik Sarjana Muda Bidang Sains / Teknologi / Kejuruteraan / Matematik Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 10 tahun Pengalaman pentadbiran sekurang-kurangnya 5 tahun
GURU PENOLONG KANAN GRED DG48	<ul style="list-style-type: none"> Hal Ehwal Akademik Hal Ehwal Pelajar Hal Ehwal Kokurikulum 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Bidang Umum Sarjana Muda Bidang Umum Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun
GURU KAUNSELING GRED DG48	<ul style="list-style-type: none"> Bimbingan & Kaunseling (B&K) 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Bidang Psikologi / Kaunseling Sarjana Muda Bidang Psikologi / Kaunseling
GURU AKADEMIK (BIDANG STEM) GRED DG48/DG44/DG41	<ul style="list-style-type: none"> Matematik Fizik Kimia Biologi 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Bidang Sains / Teknologi / Kejuruteraan / Matematik / Pendidikan atau Sarjana Muda Bidang Sains / Teknologi / Kejuruteraan / Matematik Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun
GURU AKADEMIK GRED DG48/DG44/DG41	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Sejarah Pendidikan Islam/Moral Psikologi / B&K Pendidikan Asas Jasmani dan Kesihatan (PAJK) <i>Performing Art / Seni Visual</i> <i>Computer Programming / ICT</i> Perdagangan Muzik Falsafah Penyelidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Bidang Berkaitan Mata Pelajaran Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun

2. Kelayakan Umum

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- iii. Tahap kesihatan yang baik dan memuaskan.
- iv. Berpengetahuan dan berkemahiran dalam pengendalian komputer.
- v. Fasih berkomunikasi (bertutur dan menulis) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya 85% dalam penilaian prestasi bagi 3 tahun berturut-turut (2013-2015).
- vii. Bebas daripada tindakan tatatertib.
- viii. Telah mengisytiharkan harta.
- ix. Permohonan mestilah disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.

3. Maklumat Tambahan

- i. Sanggup bekerja di luar waktu mengajar dan di luar stesyen.
- ii. Boleh bekerja dengan pengawasan minimum.
- iii. Cekap dan berinisiatif.
- iv. Mempunyai potensi dan kewibawaan yang tinggi.
- v. Mempunyai integriti dari segi penampilan dan tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam.
- vi. Penempatan di Kolej PERMATApintar, UKM, Bangi, Selangor hanyalah untuk tahun 2017 sahaja. Mulai tahun 2018, penempatan adalah di Cawangan Kolej PERMATApintar, UKM bertempat di IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan.

4. Faedah

- i. Mendapat latihan daripada pakar UKM dalam dalam bidang pintar dan berbakat serta kaedah pembelajaran Abad Ke-21.
- ii. Berpeluang menghadiri kursus/seminar/persidangan atau membentangkan kertas kerja di dalam/luar negara.
- iii. Berpeluang ditawarkan dan ditukarlantik ke jawatan akademik UKM mulai tahun 2018.

5. Cara Memohon

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan (Lampiran B) yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia www.moe.gov.my.
- ii. Permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perkara 21.
- iii. Permohonan mestilah disertakan salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - a. Buku Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini
 - b. Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut (2013 – 2015)
 - c. Sijil Kelayakan Akademik dan Ikhtisas
 - d. Kad Pengenalan
 - e. Surat Lantikan
 - f. Surat Kenaikan Pangkat
 - g. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan

- h. Surat Pemakluman Pengisytiharan Harta
- i. Lain-lain Sijil/Surat Penghargaan

iv. Borang Permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
(U.P: SEKTOR PENGURUSAN PERMATA)**

- v. Hanya calon yang memenuhi syarat seperti di para 1 dan 2 sahaja yang layak memohon.
- vi. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan adalah ditolak.

6. Kaedah Pelaksanaan

- i. Calon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii. Tarikh tutup permohonan adalah **pada 30 Disember 2016 (Jumaat)**. Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii. Temuduga akan dilaksanakan di Kolej PERMATApintar, UKM, Bangi, Selangor.
- iv. Segala perbelanjaan berkaitan penghantaran borang permohonan dan temuduga, iaitu kos penginapan, pengangkutan serta makan minum adalah di bawah tanggungan pemohon.

7. Pertanyaan

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini, boleh hubungi **Sektor Pengurusan PERMATA, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian di talian 03-8884 9572 / 9584 / 9370.**

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
7 Disember 2016